



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



BUKU PANDUAN MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK MERSING KE- 12 TAHUN 2024

Disediakan oleh :

Jawatankuasa Pengurusan Graduan
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK MERSING



1.PENYERTAAN KONVOKESYEN POLITEKNIK MERSING KE-12 TAHUN 2024

- 1.1 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan diploma hanya sah setelah menyempurnakan perkara-perkara berikut:-

1.1.1 Menjelaskan bayaran penyertaan Majlis Konvokesyen.

1.1.2 Memberi maklumbalas pengesahan kehadiran dan salinan bukti bayaran melalui pautan: <https://sites.google.com/pmj.edu.my/konvopmj2024/laman-utama> bermula pada **14 Julai 2024 (Ahad)** sehingga **10 September 2024 (Selasa)**. (Slip ASAL bayaran **WAJIB** dibawa semasa hari pendaftaran untuk penerimaan jubah konvokesyen).

Nota :

Sila cetak slip pembayaran sebagai bukti bayaran.

1.1.3 Mengisi Sistem kajian pengesanan graduan (SKPG) / e-BGTK dan kembalikan slip cetakan kepada pihak urusetia semasa hari pendaftaran. Sila rujuk laman sesawang Politeknik Mersing atau Jawatankuasa Pengesanan Graduan (**rujuk perkara 9**).

Nota :

Perkara di atas adalah wajib bagi semua graduan yang hadir atau tidak hadir ke Majlis Konvokesyen. Kegagalan anda berbuat demikian boleh mengakibatkan anda dihalang menghadiri majlis konvokesyen atau pengeluaran transkrip akan ditahan.

- 1.2 Graduan yang hadir **WAJIB** mengikuti sesi berikut :-

- 1.2.1 Pendaftaran Graduan.
1.2.2 Raptai Konvokesyen.
1.2.3 Majlis Konvokesyen

2.BAYARAN KONVOKESYEN

2.1 Jumlah bayaran graduan yang hadir adalah **RM 290.00**, manakala bayaran graduan yang tidak hadir pula adalah **RM 190.00**

2.2 Slip pembayaran wajib dibawa semasa hari pendaftaran untuk penerimaan jubah konvokesyen.

2.3 Bayaran sebanyak **RM 290.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sembilan Puluh Sahaja)** dimasukkan ke dalam akaun Koperasi Politeknik Mersing Johor Berhad (rujuk perkara 2.5). Bayaran ini adalah termasuk :

- 2.3.1 RM 240.00 - **Sewaan jubah, cenderahati, mortar board, gambar, folder sijil dan pengurusan**
2.3.2 RM 50.00 - **Alumni**

2.4 Graduan yang **TIDAK DAPAT** menghadiri majlis ini juga perlu memberi maklumbalas kehadiran melalui pautan:

<https://sites.google.com/pmj.edu.my/konvopmj2024/pengesahan-ketidakhadiran>

dan hendaklah mengkreditkan pembayaran bernilai **RM190.00** untuk **bayaran folder sijil, cenderahati, pengeposan** dan **Alumni** bermula pada **1 Oktober 2024 (Selasa)** sehingga **25**

Oktober 2024 (Jumaat).


2.5 Panduan pembayaran melalui CDM atau Perbankan di atas talian:

KAEDAH 1: CASH DEPOSIT MACHINE (CDM)

1. Pilih menu **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**
2. Masukkan **NO KP PELAJAR**
3. Pilih Bil "**KOP POLI MERSING**"
4. Sahkan maklumat dan masukkan wang (**Pastikan jumlah yang dibayar adalah RM290**).
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil resit

KAEDAH 2: INTERNET BANKING (ONLINE BANK ISLAM)

1. Layari internet banking Bank Islam (www.bankislam.biz)
2. Log in akaun
3. Pilih menu **BILL PRESENTMENT**
4. Masukkan **NO KP PELAJAR**
5. Pilih Bil "**KOP POLI MERSING**"
6. Sahkan maklumat dan masukkan wang (**Pastikan jumlah yang dibayar adalah RM290**)
7. Sahkan jumlah kemasukkan wang
8. Transaksi selesai dan cetak resit





BANK ISLAM

Bill Presentment as at 31-Jan-2020 08:37:02 MYT

ID / IC Type	New IC Number
ID / IC	97120

Submit

List of Bill Presentment

Select	No	Biller	Bill Number
<input checked="" type="radio"/>	1	KOPERASI POLITEKNIK MERSING JOHOR	25DIP'

Note:
To view our Bill Presentment Billers, click [here](#)

Pay **Cancel**

BANK ISLAM

Bill Presentment (Step 1 of 3) as at 31-Jan-2020 08:34:29 MYT

From Account	Please select
View Account Details	
Biller	PMER
Bill Number	25DEE
Student Name	Graduan
Student Number	
Amount	MYR 250.00

Back **Pay** **Cancel**

- 2.6 Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman, boleh menyertai Majlis Konvokesyen tetapi Diploma akan ditahan oleh Unit Peperiksaan sehingga bayaran dijelaskan.

3.SURAT JEMPUTAN

- 3.1 Graduan yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen boleh memuat turun surat jemputan di pautan :

<https://sites.google.com/pmj.edu.my/konvopmj2024/surat-jemputan-graduan>



4.PENDAFTARAN GRADUAN

- 4.1 Pendaftaran graduan dibuat sebelum acara raptai bermula.
- 4.2 Tanpa pendaftaran, graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- 4.3 Jadual Pendaftaran , Raptai dan Majlis Konvokesyen adalah seperti berikut :

Tarikh : **28 September 2024 (Sabtu)**

Masa	Atucara	Tempat
8.30 pg hingga 12.30 tgh	Pendaftaran graduan	Bangunan HEP
	Pengesahan Graduan/ Kebolehpasaran	
	Pengambilan jubah	Bangunan Perpustakaan
9.30 pg hingga 12.00 tgh	<i>Welcoming drink</i> bersama graduan	Bangunan D'Bizz
2.00 ptg	Pergerakan graduan masuk ke Dewan Konvekesyen	Dewan Permata Marjan
2.45 ptg	Taklimat Raptai dan Raptai Majlis Konvokesyen	Dewan Permata Marjan

Nota : Sila patuhi masa yang telah ditetapkan

5.RAPTAI KONVOKESYEN

- 5.1 Raptai Majlis Konvokesyen Politeknik Mersing adalah **WAJIB** dihadiri bagi memastikan kelancaran dan protokol Majlis Konvokesyen yang mesti dipatuhi oleh setiap graduan.
- 5.2 Raptai ini akan diadakan di Dewan Permata Marjan, Politeknik Mersing pada jam 2.00 petang.

6.MAJLIS KONVOKESYEN

- 6.1 Semua graduan dikehendaki berkumpul di tengah bulatan bangunan PMJ pada jam **7.00 pagi** sebelum pergerakan graduan ke Dewan Permata Marjan.
- 6.2 Graduan dikehendaki hadir diri lebih awal atau selewat-lewatnya **15 minit sebelum waktu yang telah ditetapkan** bagi mengelakkan dari dihalang menyertai Majlis Konvokesyen.



- 6.3 Semasa majlis berlangsung, graduan, ibu, bapa atau penjaga dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
- 6.4 Graduan, ibu, bapa atau penjaga dilarang meninggalkan dewan sebelum, semasa atau sehingga selesai Majlis Konvokesyen.
- 6.5 Tempat duduk adalah terhad, sila tunjukkan "**Pas Masuk Majlis Konvokesyen**". Hanya dibenarkan untuk **(2) dua orang dewasa** sahaja dibenarkan masuk.
- 6.6 Ibu bapa atau penjaga perlu berpakaian rasmi dan mematuhi segala peraturan sepanjang majlis konvokesyen berlangsung.
- 6.7 Majlis Konvokesyen Politeknik Mersing 2024 akan diadakan pada ketetapan seperti berikut :

Tarikh : 29 September 2024 (Ahad)

Masa : 8.00 pagi

Tempat : Dewan Permata Marjan,
Politeknik Mersing

Nota : Sebarang perubahan tarikh akan dimaklumkan kepada graduan dan sila rujuk portal rasmi Politeknik Mersing untuk maklumat terkini

7.SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN

7.1 Sahsiah Dan Rupadiri Semasa Pendaftaran Dan Acara Raptai

- 7.1.1 Semua graduan mesti berpakaian kemas dan menampilkan perwatakan menarik, matang, sopan serta bersesuaian
- 7.1.2 Graduan **DILARANG TEGAS** memakai seluar jenis “**jeans**”, **selipar, capal, kasut sukan** dan **T-shirt** tanpa kolar semasa mendaftar/raptai.
- 7.1.3 Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan graduan wanita Islam hendaklah menutup aurat (bertudung) atau bagi yang bukan beragama Islam, rambut disisir rapi, kemas dan **tidak diwarnakan**.

7.2 Etika Berpakaian Semasa Majlis Konvokesyen.

A. Graduan Lelaki

- 7.2.1 Graduan beragama Islam **digalakkan** berpakaian kebangsaan lengkap (baju, seluar, berbutang, samping serta kasut kulit berwarna hitam) atau,
- 7.2.2 Baju kemeja lengan panjang, berseluar ‘slack’ **hitam / gelap** dan bertali leher.
- 7.2.3 Graduan kaum **Sikh** dibenarkan memakai ‘**turban**’. Hanya turban yang **berwarna hitam** dibenarkan.
- 7.2.4 Graduan **tidak** dibenarkan memakai **tali bow (bowtie)**
- 7.2.5 **Berambut pendek**, kemas dan **tidak diwarnakan**.



Gambar 1: Rupa diri, pakaian dan rambut graduan lelaki

B. Graduan Wanita

- 7.2.6 Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung atau Kebaya Labuh warna bebas. Bagi graduan wanita beragama Islam hendaklah mengenakan **tudung** berwarna **bebas tanpa corak**. Pakaian perlu bersesuaian dengan protokol majlis.
- 7.2.7 Bagi graduan bukan beragama Islam hendaklah berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berlengan dan sekiranya memakai **skirt** hendaklah labuh melepas **di bawah paras lutut**.



Gambar 2: Rupa diri, pakaian dan rambut graduan wanita
(kasut bertumit bertutup)



7.3 Kasut

- 7.3.1 Graduan hendaklah memakai kasut yang bertumit, bersih dan berasesuaian (bahagian depan kaki bertutup), **sandal**, **capal** atau **kasut jenis sukan tidak dibenarkan** sama sekali.
- 7.3.2 Penggunaan kasut kulit berwarna hitam atau gelap amat digalakkan.



Gambar 3 : Jenis-jenis kasut yang tidak dibenarkan

8.URUSAN JUBAH

8.1 Peminjaman Jubah

- 8.1.1 Salinan slip perlu ditunjukkan kepada Urusetia Jubah semasa peminjaman dibuat.
- 8.1.2 Semua graduan perlu menetapkan **saiz jubah** semasa membuat pengesahan kehadiran. Pihak urusetia tidak akan melayan sebarang pertukaran saiz jubah.
- 8.1.3 Semua graduan boleh mengambil jubah seperti berikut :

Tarikh : 28 September 2024 (Sabtu)
Masa : 8.30 pagi – 12.30 tengahari
Tempat : Bangunan Perpustakaan,
Politeknik Mersing

8.2 Pemulangan Jubah

- 8.2.1 Jubah hendaklah dipulangkan sebaik sahaja Majlis Konvokesyen tamat.
- 8.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Diploma ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- 8.2.3 Jubah yang **hilang atau rosak** akan dikenakan bayaran gantirugi sebanyak **RM 200.00** setiap satu.
- 8.2.4 Waktu pemulangan jubah adalah seperti berikut :

Tarikh : 29 September 2024 (Ahad)
Masa : 2.00 petang - 5.30 petang
Tempat : Bangunan Perpustakaan,
Politeknik Mersing



9. SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG) TVET

- 9.1 Lulusan yang **BEKERJA/ BEKERJA SEMENTARA / BEKERJA SENDIRI SAMA ADA MENGIKUT BIDANG atau TIDAK MENGIKUT BIDANG, MELANJUTKAN PENGAJIAN, MENINGKATKAN KEMAHIRAN, MENUNGGU PENEMPATAN PEKERJAAN** adalah dijadualkan mengisi borang **Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) TVET 2024** secara online di laman web : <https://graduan.mohe.gov.my/SKPG24/>
Arahan ini digunakan kepada semua lulusan yang akan **menghadiri** atau **tidak menghadiri** konvokesyen.
- 9.2 Lulusan yang **TIDAK BEKERJA** tidak dibenarkan sama sekali mengisi borang Kajian Pengesanan Graduan TVET 2024 secara online. Lulusan dikehendaki mengisi maklumat dalam **Borang Graduan Tidak Berkerja (e- BGTK)**
Pada pautan link:
https://docs.google.com/forms/d/1NTrE3BDMUWa_IOpkSy5vr5Q5OybJs7AjvEk827QyRS0/edit
- Arahan ini digunakan kepada semua lulusan yang akan **menghadiri** atau **tidak menghadiri** konvokesyen.
- 9.3 **Slip Kajian Pengesanan Graduan** atau **Borang e-BGTK** perlu dibawa pada hari raptai bagi lulusan yang menghadiri Majlis Konvokesyen untuk tujuan **pengambilan jubah dan tuntutan Diploma**.
- 9.4 Bagi lulusan yang tidak menghadiri Majlis Konvokesyen, sila kembalikan **slip Kajian Pengesanan Graduan** (sekiranya bekerja / melanjutkan pengajian/peningkatan kemahiran) atau **Borang e-BGTK** (sekiranya tidak bekerja) bersama borang jawapan kehadiran. **Sijil diploma hanya akan diposkan sekiranya lulusan telah mengisi kajian yang telah dinyatakan.**
- 9.5 Sebarang pertanyaan berkaitan Kajian Pengesanan Graduan TVET 2024 boleh menghubungi **En. Mohd Farid Bin Rahat di talian : 019-650 7151**

10. PENGAMBILAN DIPLOMA

- 10.1 Graduan boleh mengambil diploma masing-masing sebaik sahaja setelah Majlis Konvokesyen berakhir dan mengesahkan pemulangan jubah.

Tarikh : **29 September 2024 (Ahad)**
Masa : **2.00 petang - 5.30 petang**
Tempat : **Bangunan Perpustakaan Politeknik Mersing**

- 10.2 Diploma yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PMJ. Sebarang tuntutan Diploma selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di Unit Peperiksaan PMJ.



11.TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 11.1 Graduan, ibu bapa atau penjaga hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang telah disediakan atau diarahkan.
- 11.2 Sila patuhi arahan pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalulintas.

12.PAS MASUK DEWAN MAJLIS KONVOKESYEN

- 12.1 Hanya DUA (2) keping pas orang dewasa sahaja (ibu bapa atau penjaga) diberi untuk kebenaran masuk ke dalam dewan. **Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.**
- 12.2 Ibu bapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing **sebelum jam 8.00 pagi** pada hari majlis konvokesyen.
- 12.3 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak Politeknik Mersing memohon maaf sekiranya terdapat ibu, bapa atau penjaga yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.
- 12.4 Ibu, bapa atau penjaga perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan majlis rasmi.
- 12.5 Mohon kerjasama ibu, bapa atau penjaga agar **tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.**

13.SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- 13.1 Pihak Politeknik Mersing menyediakan perkhidmatan fotografi semasa Majlis Konvokesyen berlangsung.
- 13.2 Syarikat luar diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Diploma dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.
- 13.3 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu **dilarang** mengambil gambar swafoto (*selfie*) di dalam dewan bagi memastikan kelancaran majlis.



14.BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 14.1 Pihak PMJ tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barang peribadi.
- 14.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya *tidak membawa masuk* ke dalam dewan seperti makanan, minuman atau barang persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen.
- 14.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit , “tablet” dan lain-lain.

15.KUASA POLITEKNIK MERSING

- 15.1 Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.
- 15.2 Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah muktamad.
- 15.3 Justeru itu pihak Politeknik Mersing, mohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana- mana pegawai.

16.PENGINAPAN

- 16.1 Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak Politeknik Mersing tidak menyediakan sebarang penginapan.